

# 7,597 graduan UPM tamat pengajian

KUALA LUMPUR - Seramai 7,597 graduan, termasuk 33 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda Sains Dietetik dan dua graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Kayu, semalam, menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Malaysia (UPM), dekat sini.

Seramai 5,984 pelajar menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dan 417 daripada jumlah itu berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Kelas Pertama, 3,968, kelas kedua, 1,396 kelas kedua bawah dan kelas ketiga seramai 34 orang.

Pelajar orang kelainan upaya (OKU), Nurul Atikah Salim, 22, yang cacat di bahagian kaki antara yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan.

Nurul Atikah, bercita-cita menjadi ahli perniagaan kini menyambung pengajian Ijazah Sarjana di bidang Pentadbiran Perniagaan.

Bagi Nor Afzan Ramli, 24, walaupun serba kekurangan kerana ayahnya hanya berpendapatan kecil



● (Dari kiri) Adik-beradik yatim piatu, Nik Shalieah Wan Mohd Sidik, 15, Nik Saliehan, 19, dan Nik Shazwani, 23, (kanan) dari Tumpat, Kelantan berkongsi kegembiraan apabila abang mereka, Nik Mohd Saiful Wan Mohd Sidik berjaya memperoleh Bachelor Sains Perhutanan pada majlis Konvokesyen UPM Ke-33 dekat sini, semalam.

dan terpaksa menyara enam adik beradik yang lain, beliau berjaya menamatkan pengajiannya dengan Kepujian Kelas Kedua Atas dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu.

Majlis Konvokesyen itu berlangsung selama empat hari bermula 8 Ogos hingga 11 Ogos di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. - Bernama